

INFO PSIKOLOGI



SIRI JULAI 2017

SETIAP IBU BAPA SEMESTINYA MAHUKAN YANG TERBAIK UNTUK ANAK-ANAK. WALAUBAGAIMANAPUN, ADAKAH ANDA SEDAR BAHAWA GAYA ASUHAN YANG DIAMALKAN AKAN MEMPENGARUHI PERKEMBANGAN ANAK-ANAK? JOM LIHAT GAYA KEIBUBAAPAN YANG PERLU DIAMALKAN SELARAS DENGAN UMUR ANAK ANDA.

0 – 6 TAHUN

- Anda perlu **memanjakan, mengasihani** dan **menyayangi** anak-anak dengan kasih sayang yang mencukupi.
- Pada peringkat umur ini, anak-anak **tidak boleh dirotan** sekiranya mereka melakukan kesalahan **walaupun hukuman yang dikenakan tersebut atas dasar untuk mendidik.**

7 - 14 TAHUN

- Anda disarankan untuk **menanamkan nilai disiplin** dan **rasa tanggungjawab** kepada anak-anak.
- Anak-anak anda pada peringkat ini perlu **diajar untuk bersolat** dan **tempat tidur mereka perlu dasingkan** dan anak-anak juga **boleh diberikan hukuman** sekiranya melakukan kesalahan.

15 – 21 TAHUN

- Ibu bapa disarankan mendekati anak-anak dengan **melayan mereka sebagai sahabat** dengan sentiasa **melakukan perbincangan**, menjadi **pendengar yang setia** serta **menegur mereka dengan cara berhemah** sekiranya mereka melakukan kesalahan.

22 TAHUN DAN KE ATAS

- Ibu bapa boleh **memberikan kepercayaan sepenuhnya** kepada anak-anak dalam **melakukan pembuatan keputusan** di samping sentiasa **melakukan pemantauan.**